



UPSI bakal Pusat Satelit Institut Sukan Negara

Tanjong Malim, 20 Feb - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerusi Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK) menjalin kerjasama dengan Institut Sukan Negara (ISN) bertujuan memajukan sukan negara sekali gus menjadikan universiti itu sebagai Pusat Satelit ISN.

Majlis kerjasama antara UPSI dan ISN di Scholars Suite, Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjong Malim, Perak, Selasa lalu memfokuskan kepada kepakaran tenaga pengajar dan fasiliti sukan yang boleh ditawarkan antara kedua-duanya.

Ia dihadiri delegasi ISN diketuai Ketua Pegawai Eksekutif ISN, Ahmad Faedzal Md Ramli dan Ketua-Ketua Unit di ISN.

Manakala UPSI yang dipengerusikan Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff turut disertai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Norkhalid Salimin dan beberapa pegawai kanan UPSI.

Sementara itu, Md Amin berkata, UPSI dapat menimba pengalaman dari ISN terutama dalam pengurusan penyelidikan melibatkan atlet.

"Menerusi kerjasama ini, UPSI dapat menyediakan kurikulum program termasuk cadangan dual program, kepakaran tenaga pengajar dan tawaran program pendidikan khusus kepada atlet yang bakal menjadi guru," ujarnya.

LAWATAN DUTA ROMANIA

Duta Romania kagum budaya Malaysia ketika lawat UPSI

Tanjong Malim, 21 Feb - Duta Romania ke Malaysia dan Brunei, Nineta Barbulescu yang mengadakan lawatan rasmi ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melahirkan rasa kagum dan teruja terhadap seni dan budaya Malaysia.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff yang menyambut kunjungan delegasi Kedutaan Romania itu turut berkongsi sejarah penubuhan UPSI serta portfolio menyeluruh berkaitan perkembangan UPSI yang terkini.

Prof Datuk Md Amin berkata UPSI terkenal sebagai institusi yang melahirkan guru untuk memajukan pendidikan rakyat di negara ini.

UPSI, katanya, mempunyai kursus berkaitan seni visual untuk melahirkan guru-guru seni yang kreatif mengajar di sekolah-sekolah seluruh negara. Antara intipati perbincangan, Nineta menjemput UPSI menyertai konsortium-konsortium yang ditubuhkan kerajaan Romania berkaitan meta-data, sains, matematik dan lain-lain bidang.

Selain itu, beliau turut menjemput UPSI untuk mewujudkan satu ruang aktiviti kerjasama perkongsian silang budaya yang memfokuskan kebudayaan, fesyen, kesenian, makanan tradisional antara Malaysia dan Romania.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

UPSI Terima Lukisan Pelukis Terkemuka Jana RM250K

Tanjong Malim, 19 Feb - Pameran ‘Sustainability International Art Exhibition’ anjuran Institut Peradaban Melayu (IPM), Universiti Pendidikan Idris (UPSI) bersama Asian International Art Stream (AiAS) bukan sahaja menunjukkan komitmen universiti dalam bidang seni, tetapi juga membuka pintu kepada persepsi baru terhadap kreativiti dan kelestarian. Dengan menampilkan karya-karya unggul dari pelbagai negara termasuk Brunei, Jepun, Indonesia, India, Malaysia, Mauritius, Filipina, Singapura, dan Vietnam, pameran ini bukan sahaja menjadi medan untuk memperluaskan wawasan seni masyarakat setempat, tetapi juga memperlihatkan kepelbagaian budaya dan kreativiti yang ada di sekitar serantau ASEAN. Naib Canselor UPSI, Md Amin Md Taff berkata UPSI meneruskan peranannya sebagai pusat pembelajaran seni yang berprestij dengan memberikan platform kepada pelukis terkemuka dari pelbagai negara.



Majlis Menandatangani MoU Antara UPSI dan Syarikat ANA MUSLIM

Tanjong Malim, 24 Feb - Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan syarikat Ana Muslim Sdn. Bhd. serta sesi menandatangani surat niat (LoI) dengan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Majlis berlangsung di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI. Turut diadakan, perasmian pameran projek pelajar tahun akhir Jabatan Multimedia Kreatif, Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK), UPSI yang dirasmikan oleh Pengarah Akademik dan Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ridzwan bin Che Rus.

Amalan Terbaik Urus Tadbir Menjadi Sumber Inspirasi UPSI

Tanjong Malim, 20 Feb - Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menerima kunjungan daripada delegasi Universiti Putra Malaysia (UPM) sempena lawatan penanda aras yang bertujuan untuk perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam tadbir urus. Bermatlamatkan untuk penambahbaikan proses kerja pengurusan akademik, seramai 19 orang pegawai dari Bahagian Tadbir Akademik (BPA) UPM tiba di Kompleks Akademik, BHEA diketuai oleh Mohd Nazri Md Yasin, Ketua Pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).



Syarahen Perdana Profesor Tekankan Pentingnya Kandungan Kepelbagaian Budaya dalam Kurikulum Kebangsaan

Tanjong Malim, 21 Feb - Landskap sosial negara yang kaya dengan pelbagai budaya hasil daripada pertembungan dan interaksi dalam pembentukan Malaysia pada hari ini seharusnya dijadikan sebagai kandungan utama dalam kurikulum khususnya Pendidikan Muzik di sekolah pada masa kini. Hal ini perlu diambil serius oleh pihak yang berwajib bagi melestarikan agenda perpaduan negara. Prof. Dr. Mohd Hassan dalam syarahannya bertajuk ‘The Adaptation and Syncretism of Malaysian Musical Culture: How does it survive in the Malaysian “Multicultural” Music Education?’ itu mengutarakan ketidakseimbangan bahan pengajaran khususnya melodi tempatan dalam penyampaian mata pelajaran Pendidikan Muzik antara sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan di negara ini.



UPSI Sedia Tawar Lokasi Penggambaran Menarik

Tanjong Malim, 20 Feb - UPSI sedia bekerjasama dengan mana-mana syarikat produksi tempatan atau luar negara yang ingin membuat penggambaran kawasan universiti ini bagi memperkenalkan UPSI ke seluruh dunia. Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, “Kerjasama tersebut meliputi kemudahan penggambaran membabitkan lokasi-lokasi menarik di sekitar kawasan UPSI. Secara amnya, UPSI terkenal dengan warisan berkaitan pendidikan dan nasionalisme.” Profesor Datuk Dr. Md Amin berkata demikian semasa sesi kunjungan hormat Studio Kembara Sdn.Bhd ke UPSI